

19 JUL 2002

Mahathir-Iraq

TINDAKAN KETENTERAAN KE ATAS IRAQ TIDAK DEMOKRATIK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Hasrat Amerika Syarikat untuk menggunakan tindakan ketenteraan ke atas Iraq untuk menyingkirkan presidennya Saddam Hussein adalah salah, tidak adil dan tidak demokratik, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu satu forum hari ini.

"Kita tidak fikir bahawa kerajaan-kerajaan lain mempunyai hak, tanpa mengira betapa berkuasanya mereka, untuk menukar kerajaan sebuah negara lain. Ini adalah satu perbuatan yang tidak demokratik," katanya semasa menjawab satu soalan daripada peserta Forum Antarabangsa Mengenai Islam di sini.

Beliau ditanya apakah kemungkinan kesannya ke atas usaha berterusan Malaysia yang menggalakkan Islam yang sederhana dan memandang ke hadapan, sekiranya pentadbiran Bush menghantar pasukan tenteranya ke Iraq.

Presiden Amerika Syarikat George W. Bush telah berkata bahawa Washington akan menggunakan semua peralatan yang ada padanya untuk menjatuhkan Saddam.

Dr Mahathir berkata tindakan ketenteraan ke atas Iraq hanya akan meningkatkan lagi kebencian kerana perkelahian Amerika Syarikat ialah dengan Saddam, yang ia anggap sebagai seorang diktator, dan bukannya dengan rakyat Iraq.

"Terpulanglah kepada rakyat (Iraq) untuk menukar kerajaan mereka sekiranya mereka boleh, tetapi mereka tidak boleh. Tetapi, oleh kerana mereka tidak boleh, adalah tidak adil untuk menghukum mereka," katanya.

Perdana Menteri mempersoalkan kenapa Amerika Syarikat memilih Iraq sedangkan terdapat negara-negara lain di dunia yang juga memerlukan perubahan dalam kerajaan.

"Tetapi apabila anda fokus pada Iraq, rakyat yang akan menderita ialah rakyat Iraq yang tidak berdaya. Kemudian sudah tentu anda akan menimbulkan banyak rasa benci dan di Malaysia, kami fikir ia adalah perkara yang salah untuk dilakukan," katanya.

Kepada satu soalan mengenai bagaimana orang Islam menangani isu Palestin, Dr Mahathir berkata perkara itu bukannya masalah agama tetapi masalah wilayah.

Beliau berkata sejarah telah menunjukkan bahawa orang Islam dan Yahudi boleh hidup bersama, malahan orang Yahudi sering berhijrah ke negara-negara Islam setiap kali mereka ditindas dan dibunuh di Eropah.

"Di negara-negara Islam, mereka dihormati dan kepercayaan mereka juga turut dihormati kerana orang Islam percaya bahawa mereka boleh hidup dan makan bersama-sama dengan orang Yahudi kerana mereka menyembelih mengikut cara Islam dengan menyebut nama Tuhan," kata Dr Mahathir.

Tetapi apabila orang Yahudi mengambil tanah orang Palestin secara paksa, konflik antara orang Islam dan Yahudi pun bermula, katanya.

"Perkelahian antara orang Islam dan Yahudi semakin meningkat dan ia akan terus memuncak selagi orang Palestin dihalau dari kawasan mereka," katanya.

Kepada soalan lain, Perdana Menteri berkata orang Islam di Asia Tenggara boleh saling bekerja, bekerjasama dan hidup dengan orang bukan Islam jauh lebih baik daripada mereka sesama Islam di dunia Arab.

Ini adalah kerana percampuran kaum dan agama di rantau ini manakala di negara-negara Arab, sejumlah besar penduduknya adalah orang Islam, dengan itu mengurangkan keupayaan mereka untuk berinteraksi dengan orang bukan Islam, katanya.

Ditanya sama ada konsep ummah Islam masih relevan pada masa sekarang, beliau berkata walaupun orang Islam terpisah mengikut kawasan dan negara masing-masing, "bagi isu-isu tertentu kami sebenarnya sependapat dan mengambil tindakan bersama-sama".

"Kami semuanya berasa marah mengenai Palestin misalnya, tetapi kami tidak mencapai persetujuan mengenai bagaimana kami patut mengendalikan masalah ini," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan kegagalan orang Islam untuk menangani isu-isu yang menjejaskan ummah, orang Islam sebenarnya telah hilang pengaruh mereka dalam hal ehwal dunia.

"Tetapi masih terdapat ummah Islam kerana apabila sesuatu terjadi di Bosnia, misalnya, terdapat perasaan empati, perasaan kesamaan dengan mereka.

"Berdasarkan itu, saya berpendapat konsep Ummah masih hidup," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAD NM RHM